

Sumbangan wanita diiktiraf

Kerajaan perlulah memastikannya majikan menguatkuasakan peruntukan sedia terdapat dalam Akta Kerja 1955 (Akta 265), Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177), Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514).

Begitu juga akta dan peraturan lain yang berkaitan dengan pekerjaan, khususnya aspek keselamatan mahupun kesihatan pekerja, kemudahan perumahan, pengangkutan, riadah, kaunseling dan mencegah amalan diskriminasi, gangguan seksual terhadap pekerja wanita yang memilih untuk berkerja mengikut waktu anjal.

Muzaffar berkata, masalah diskriminasi misalnya dari segi upah bagi kerja yang sama nilai di antara lelaki dan wanita perlu dipastikan tidak wujud lagi dalam pasaran buruh.

Walaupun wanita memang dikenali mempunyai pelbagai tugas pada satu masa, sejak kebelakangan ini banyak pihak mula menyedari kepentingan pembabitannya guna tenaga wanita dalam ekonomi negara.

"Sumbangan wanita mula diiktiraf dan diberikan pendidikan formal, malah wanita juga diberi kepercayaan untuk memegang jawatan lebih tinggi dalam sesuatu pekerjaan.

"Kini, wanita terus maju dalam kerjaya sehingga mampu menyaingi pekerja lelaki dalam apa saja bidang, mahupun dalam bentuk pekerjaan yang berlainan daripada biasa seperti dalam sistem pekerjaan waktu anjal.

"Bagaimanapun, pembabitannya wanita dalam sektor ekonomi membawa kepada keengganan hubungan kekeluargaan dan kewujudan masalah lain dalam kehidupan mereka.

"Oleh itu, guna tenaga wanita harus lebih bijak mengatur langkah dalam kehidupan kerjaya supaya dapat menyeimbangkan kerjaya dan keluarga," katanya.



Jerih pekerja wanita

» Sistem kerja anjal lebih menguntungkan negara

Dalam era globalisasi, pasaran kerja secara anjal semakin berkembang dan sudah mula diterima pakai, terutama di negara maju.

Sudah banyak majikan menggaji tenaga buruh wanita yang bekerja secara anjal. Tindakan majikan sebegini akan dapat membantu mencapai matlamat syarikatnya, iaitu meminimumkan kos di samping memaksimumkan keuntungan di pasaran.

Hakikatnya, pembabitannya memberi sumbangan dan perkhidmatan kepada negara bukanlah satu pengorbanan yang kecil. Banyak perkara yang perlu dijaga untuk menyeimbangkan kehidupan dari segi keluarga dan kerjaya.

Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Muzaffar Syah Mallow, berkata pelbagai faktor mendorong dan menjadi cabaran wanita untuk membabitkan diri dalam pasaran kerja anjal.

Muzaffar berkata, pada Bajet 2014 lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mencadangkan majikan di Malaysia mengadakan Skim Aturan Kerja Fleksibel (FWA) yang memberikan kelonggaran tempoh, tempat dan waktu berada di tempat bekerja terutama kepada wanita. Skim itu akan dilaksanakan dalam bentuk minggu kerja dipadatkan atau kerja pada hujung minggu.

Cabaran pembahagian masa

Katanya, skim terbabit wajar segera dilaksanakan bagi menarik lebih ramai pekerja wanita menyumbang tenaga dalam pasaran kerja.

"Antara faktor yang menggalakkan wanita bekerja secara anjal, termasuklah galakan daripada keluarga, memperoleh pendapatan tambahan, mencari pengalaman baharu dan sebagainya. Di samping itu, cabaran pembahagian masa buruh wanita yang bekerja secara anjal adalah dalam pengambilan cuti dan bentuk kerja anjal diminati mengikut kemampuan serta kebolehan individu," katanya.

Muzaffar berkata, sebelum ini Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Shamsuddin



Bardan juga menyatakan, setakat ini negara hanya mempunyai 48 peratus bilangan pekerja wanita.

Berbanding di pusat pengajian tinggi, jumlah pelajar wanita 60 peratus, namun apabila masuk ke alam pekerjaan, ia menyusut kepada 48 peratus.

"Perkara ini berlaku kerana kebanyakan wanita lazimnya bekerja sebelum berkahwin dan berhenti kerja apabila mempunyai anak dan sibuk menguruskan rumah tangga. Dengan adanya skim bekerja masa lebih anjal dan mereka tidak perlu berhenti kerja.

"Seseorang itu boleh memulakan tugas pejabat pada awal pagi dan pulang ke rumah lebih awal. Ini secara tidak langsung boleh mengelakkan kesesakan jalan raya dan dapat menjaga keselamatan wanita terbabit. Melalui skim ini mereka boleh bekerja empat atau tiga hari seminggu atau dari rumah dengan kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

"Skim ini juga mampu me-

ngurangkan pergantungan negara kepada tenaga kerja asing apabila kita mampu mengembalikan jumlah 60 peratus wanita yang sepatutnya ada dalam pasaran guna tenaga," katanya.

Masalah sistem anjal

Walaupun pasaran kerja anjal dapat menarik wanita, tidak dinafikan ada masalah yang dihadapi oleh mereka. Antara masalah pekerja wanita melalui sistem ini ialah kemungkinan diskriminasi upah dan jantina, masalah pengangkutan, kurangnya keprihatinan daripada majikan.

Muzaffar berkata, kebajikan pekerja wanita tidak sewajarnya diabaikan memandangkan mereka adalah individu penting yang banyak berkorban dan memberi sumbangan kepada ekonomi dan pembangunan negara.

"Pekerja wanita wajar diberi penghargaan dengan jaminan perlindungan yang membabitkan kepentingan ketika bekerja. Oleh itu, undang-undang yang kurang berkesan perlulah disemak dan dikemaskinikan. Seterusnya, biro pengaduan dan nasihat yang mudah perlu dibentuk.

"Program celik undang-undang boleh dilaksanakan supaya wanita mengetahui hak mereka di sisi undang-undang. Begitu juga, undang-undang perlindungan keganasan rumah tangga, eksploitasi dalam pekerjaan bagi mangsa rogol dan keganasan perlu digubal untuk menjamin keselamatan guna tenaga wanita," katanya.

Tambah Muzaffar, kerajaan boleh mengkaji semula undang-undang dan peraturan yang boleh menghalang pembabitannya wanita dalam pasaran kerja anjal.



“**Cabaran pembahagian masa yang dihadapi oleh buruh wanita yang bekerja secara anjal adalah dalam pengambilan cuti dan bentuk kerja anjal yang diminati mengikut kemampuan**”

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Pensyarah Kanan,
Fakulti Syariah
& Undang-Undang, USIM

